

APA KATA MPP

MAHASISWA perlu bijak dan matang membuat penilaian mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan kerajaan kerana ia akhirnya akan memberi faedah besar kepada mereka.



“Mahasiswa juga perlu meletakkan kepercayaan kepada kerajaan sedia ada yang sedang melakukan perubahan terbaik untuk semua. Kita perlu melihat kepada hasilnya, bukan kepada janji semata-mata.”

- WAN AHMAD HAZMAN WAN DAUD
Yang Dipertua MPP Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

KERAJAAN amat memahami golongan pelajar. Kerajaan kini melihat pelajar

adalah golongan yang sudah matang dalam membuat pilihan dan bertanggungjawab terhadap pilihan itu.

“Sehubungan itu mahasiswa sepatutnya menerima kepercayaan oleh kerajaan itu sebagai satu cabaran dan berusaha mempersiapkan diri bagi menempuh masa depan yang telah dibina oleh kerajaan hari ini.”

- MOHD. FARID ZUHRI ISMAIL
Yang Dipertua MPP Universiti Teknologi Mara (UiTM)

APA yang diminta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu mencerminkan bahawa mahasiswa kini bebas melaksanakan pelbagai aktiviti yang berfaedah dan memberikan hasil yang baik.

“Ini juga menandakan kerajaan memberi

sokongan kepada mahasiswa dan akhirnya akan menjadikan golongan itu berkemampuan untuk membuat keputusan yang matang.”

- NOOR HAZIMAH HUSNA MOHD. JOHAR
Pemangku Yang Dipertua MPP Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

GOLONGAN mahasiswa mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas sikap terbuka yang ditunjukkan kerajaan. Mahasiswa amat mengharapkan pemimpin kerajaan lebih kerap bersama kami.

“Nasihat supaya mahasiswa terus fokus dan tidak menjadi ‘pak turut’ kepada



mana-mana pihak sesuatu yang amat berguna. Ini amat penting demi kesejahteraan Malaysia.”

- MUHAMMAD IDZUAN JAMALUDDIN
Yang Dipertua MPP Universiti Sains Malaysia (USM)

INI membuktikan kerajaan menyedari betapa pentingnya sokongan dan dorongan golongan muda terutama mahasiswa bagi memacu kejayaan negara.

“Justeru, hala tuju mahasiswa dan golongan muda haruslah selari dengan perancangan dan dasar yang dibuat kerajaan agar pembangunan negara berada di landasan yang tepat dan betul.

- IQBAL ISMAT NORDIN
Yang Dipertua MPP Universiti Putra Malaysia (UPM)